



02 JUL, 2022

## myezycovers.com dimulakan di TNB, TM

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

## **myezycovers.com dimulakan di TNB, TM**

**PUTRAJAYA** - Peluasan Program Pembiayaan Insurans Kenderaan Keluarga Malaysia, *myezycovers.com* kepada kakitangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan sektor swasta akan dimulakan di GLC terkemuka seperti Tenaga Nasional Bhd dan Telekom Malaysia, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan.

Katanya, pelaksanaan bagi kakitangan GLC, GLIC dan sektor swasta melibatkan mekanisme kutipan pembayaran balik pembiayaan bersesuaian.

“Untuk penjawat awam proses pembayaran balik adalah selamat sebab melalui Skim Potongan Gaji Angkasa.

“Tetapi apabila PM (Perdana Menteri) umum peluasan kepada agensi terbabit, maka kami akan berbincang dengan agensi-agensi ini untuk cari mekanisme sesuai bagi memastikan situasi ‘menang-menang’ kepada setiap pihak,” katanya.

Mengulas mengenai program, beliau berkata, idea mewujudkan *myezycovers.com* timbul selepas pihaknya membuat kaji selidik mengenai kedudukan kewangan penjawat awam semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Hasil kajian, kita kenal pasti dua isu dihadapi penjawat awam golongan B40 dan M40. Mereka tiada simpanan dan tiada jaringan keselamatan Perkeso,” katanya. - *Bernama*